



**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan **keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

Jawatan	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Jawatan	:	Tetap/Kontrak
Bilangan Kekosongan	:	1
Jadual Gaji	:	Gred N19
	Min. :	RM1,352.00
	Max. :	RM 4,003.00
	Kadar Kenaikan Tahunan	: RM 100.00
Elaun	:	
	Imbuan Tetap Khidmat Awam	: RM 115.00
	Imbuan Tetap Perumahan	: RM 300.00
	Bantuan Sara Hidup	: RM 200.00

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/SijilVokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

a. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan kejawatan PembantuTadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (i) (c) di atas; atau
- (ii) lulus PeperiksaanKhas; dan
- (iii) had umur pelantikan:

b. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

c. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- (i) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Deskripsi Tugas:

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistic serta penyediaan.

5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa kesemasa.

6. CARA MEMOHON :

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/perjawatan/>
- ii. Semua salinan sijil, transkrip atau keputusan peperiksaan yang dimuat naik perlu **diakui sah** terlebih dahulu oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional atau Penghulu/ Ketua Kampung.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Perintah Am Bab 'A' 21.

Tarikh tutup permohonan : **16 MAC 2021 (SELASA)**

CATATAN AM :-

- a) Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis Daerah Batu Gajah.